

Malaysia, Brunei sepakat isu sempadan

BH- 6/3/2019 m/s: 2

➔ Dua negara akur tiada aktiviti di kawasan penandaan, kaji selidik

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@nstp.com.my

Putrajaya

Malaysia dan Brunei bersetuju tidak menjalankan sebarang aktiviti di kawasan yang sedang dilakukan penandaan dan kaji selidik di sempadan tanah kedua-dua negara.

Perkara itu dicapai pada pertemuan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkhiah sempena Rundingan Pemimpin Tahunan Ke-22 kedua-dua negara,

di sini semalam.

Menerusi kenyataan bersama, kedua-dua pemimpin menyambut baik kemajuan positif Jawatankuasa Teknikal Bersama mengenai penandaan dan kaji selidik sempadan tanah di antara Malaysia dan Brunei.

“Kedua-dua pihak bersetuju tidak melakukan apa-apa aktiviti di kawasan di mana penandaan dan kaji selidik bersama belum selesai.

Pemimpin mengucapkan tahniah kepada pasukan teknikal kedua-dua negara untuk mencari cara baharu bagi mempercepatkan aktiviti tinjauan dan penandaan, terutama kawasan yang menjadi keutamaan.

“Dalam hal ini, kedua-dua pemimpin memandang ke hadapan bagi mewujudkan Jawatankuasa Sempadan Tanah Malaysia-Brunei secepat mungkin bagi membincangkan penemuan jawatankuasa teknikal bersama itu,” kata kenyataan berkenaan.

Dalam kenyataan sama, kedua-dua pemimpin turut menyatakan rasa puas hati dengan kemajuan kerjasama PETRONAS dan PetroleumBRUNEI di Kawasan Pengaturan Komersial (CAA) dan Perjanjian Perkongsian Pengeluaran (PSA).

“Kedua-dua organisasi ini digalakkan untuk terus bekerjasama bagi mengkomersialkan penemuan CAA seawal mungkin,” katanya.

Dua pemimpin puas hati kerjasama

Selain itu, pemimpin kedua-dua negara berpuas hati dengan kemajuan berterusan dicapai dalam kerjasama perdagangan dan pelaburan, khususnya di Sabah dan Sarawak, selain kerjasama bidang pengangkutan dan komunikasi, tenaga, pelancongan, pertanian, ternakan dan perikanan.

“Pemimpin menyambut baik kerjasama dalam beberapa sektor dan Malaysia akan mengemuka-

kan cadangan memorandum persepahaman (MoU) berkaitan kerjasama sektor perikanan.

“Malah perbincangan juga sedang dilakukan pegawai kedua-dua negara bagi penyediaan pertukaran surat yang berkaitan dengan akses maritim bagi meneroka cara inovatif untuk membangunkan kerjasama maritim antara kedua-dua negara,” katanya.

Kedua-dua pemimpin turut menyambut baik pemeteraian MoU pemindahan dan iring kawal banduan atau tahanan antara kedua-dua negara, bersetuju ia akan memudahkan pemindahan dan iring kawal banduan atau tahanan dari Sabah dan Sarawak melalui Brunei dan sebaliknya, namun soal keselamatan tahanan dan orang awam tetap menjadi keutamaan.

Mengenai bidang pertahanan, Dr Mahathir dan Sultan Hassanal Bolkhiah berpuas hati dengan kerjasama di antara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Angkatan Tentera Diraja Brunei (RBAF) mene-

rusi pertukaran lawatan dan latihan ketenteraan bagi menjaga keamanan, kestabilan dan keselamatan rantau ini.

“Perdana Menteri turut mengalu-alukan kehadiran pegawai tertinggi Brunei ke Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 2019 (LIMA19) pada 26 hingga 30 Mac ini,” katanya.

Sultan Brunei turut mengucapkan tahniah kepada Malaysia atas pelantikan Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-16.

Selain itu, pemimpin kedua-dua negara berpuas hati dengan hasil dicapai pada pertemuan semalam yang antara lain akan terus memperkukuhkan kerjasama serta hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

“Kedua-dua pemimpin juga bersetuju meneruskan Rundingan Pemimpin Tahunan Ke-23 di Brunei pada 2020,” katanya kenyataan berkenaan.